

16/02/1998

PNB setuju beri kerjasama BN

KUANTAN, Ahad - Permodalan Nasional Bhd (PNB) pada dasarnya bersetuju bekerjasama dengan Wanita Barisan Nasional (BN) bagi menjayakan Skim Amanah Saham Wanita, yang masih dalam proses kelulusan oleh Suruhanjaya Sekuriti.

PNB yang mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam bidang berkenaan boleh bekerjasama, termasuk dalam penyelidikan dan pembangunan untuk memastikan pelaburan yang dibuat nanti berasaskan fakta yang kukuh.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pihaknya sudah berbincang dengan wakil PNB mengenai cadangan mewujudkan skim itu.

"PNB tidak mempunyai masalah untuk bekerjasama bagi menjayakannya apabila ia diluluskan oleh Suruhanjaya Sekuriti," katanya kepada pemberita selepas perasmian berkelompok mesyuarat agung cawangan Umno bahagian Paya Besar oleh Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, di sini, petang semalam.

Beliau berkata, Amanah Saham Wanita itu nanti akan menjadi skim pilihan, selain kempen menabung, menerusi Pelaburan Ehsan Wanita yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 8 Februari lalu.

"Oleh itu saya berharap wanita di negeri ini dapat memberi sokongan dan meneruskan usaha untuk menabung menerusi Pelaburan Ehsan Wanita dan melabur dalam Amanah Saham Wanita apabila diluluskan nanti.

"Dalam hal ini, wanita boleh membuat pilihan sama ada menabung atau membeli saham itu, untuk membantu kerajaan memulihkan ekonomi," katanya.

Menurut Dr Siti Zaharah, Wanita BN sedang giat menganjurkan kempen dan seminar di seluruh negara bagi menyedarkan orang ramai mengenai fungsi serta kepentingan Tabung Pelaburan Ehsan Wanita dan Amanah Saham Wanita itu.

"Tabung itu tidak tertumpu kepada wanita saja, malah turut membabitkan lelaki berusia 18 tahun ke atas. Kedua-dua skim itu akan dikendalikan oleh pengurus dana bertauliah, selain kerjasama daripada PNB.

"Dalam keadaan sekarang, wanita harus menunjukkan kepada kerajaan bahawa mereka juga boleh menggerak dan mengumpulkan sumber masing-masing untuk membantu kerajaan," katanya.

(END)